

 **BAB III** 

BAB III

METODOLOGI PENYELIDIKAN

1. PENGENALAN

Metodologi penyelidikan adalah ilmu tentang cara membuat penyelidikan¹. Ia merupakan suatu perkara yang penting kerana dengannya penyelidik dapat memahami objek yang menjadi sasaran penelitian. Suatu penyelidikan akan tinggi nilai mutunya apabila metode-metode yang digunakan tepat dan sesuai dengan objektif dan tujuannya. Penyelidikan juga merupakan suatu bidang yang luas dan berkembang. Sebahagian besar daripada kemajuan yang dicapai di dunia moden hari ini adalah hasil yang diperolehi melalui pengkajian para penyelidik².

Bagi menyempurnakan penyelidikan yang dijalankan ini, penulis telah menggunakan metode-metode seperti yang telah dinyatakan dalam bab pertama pada bahagian Metodologi Penyelidikan. Walau bagaimanapun dalam bab tersebut, penulis hanya menyentuh dan menjelaskan secara ringkas tentang metodologi yang digunakan. Oleh yang demikian, di sini penulis akan menghuraikan secara terperinci mengenai metodologi-metodologi tersebut dalam usaha melengkap dan menyempurnakan kajian ini.

¹ Prof. Imam Barnadib (1975), *Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 51.

² Mohd. Sheffie Abu Bakar (1995), *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-Bidang Berkaitan*, Edit. 2, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 1.

Secara umumnya, metodologi-metodologi yang digunakan boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu metode penentuan subjek, metode pengumpulan data dan metode penulisan serta penganalisaan data.

2. METODE PENENTUAN SUBJEK

Metode penentuan subjek digunakan untuk menentukan sasaran penyelidikan dalam kajian ini. Secara keseluruhannya terdapat sebanyak 11 buah Institusi Pendidikan Islam peringkat menengah³ iaitu 10 buah SMU(A) Bantuan Kerajaan dan hanya sebuah sahaja SMU(A) Kerajaan yang ditubuhkan di Jajahan Tanah Merah yang berdaftar di bawah YIK⁴.

Penulis telah memilih dua buah Institusi Pendidikan Islam di mana setiap satunya mewakili kategori masing-masing. Bagi SMU(A) Bantuan Kerajaan, penulis telah memilih SMU(A) al-Ihsan mewakili keseluruhan SMU(A) Bantuan Kerajaan. Manakala bagi SMU(A) Kerajaan pula, hanya terdapat sebuah sahaja SMU(A) Kerajaan yang ditubuhkan di jajahan ini iaitu SMU(A) Kerajaan Kelantan Tanah Merah (SMUAKKTM). Kedua-dua Institusi Pendidikan Islam ini di pilih bagi menyempurnakan penyelidikan ini.

³ Yayasan Islam Kelantan (t.t.), "Institution and School", (Pamflet, Yayasan Islam Kelantan.) Lihat juga Kertas Cadangan Perancangan dan Program Pendidikan Sekolah-sekolah Agama Di Bawah YIK (4hb. November 2001), "Mesyuarat Pendidikan, Sains dan Teknologi Negeri", (Kertas Kerja), Kota Bharu: YIK, h. 4.

⁴ Rujuk Lampiran L.

Penulis tidak mengambil semua Institusi Pendidikan Islam yang ada di Tanah Merah secara keseluruhannya memandangkan masa yang ada untuk penulis menyempurnakan penyelidikan ini adalah cukup terhad di samping kekurangan kos yang dihadapi oleh penulis turut menjadi penyebab kepada dua buah Institusi Pendidikan Islam sahaja yang dipilih. Walau bagaimanapun, pemilihan kedua-dua Institusi Pendidikan Islam tersebut telah merangkumi dan mewakili Institusi-institusi Pendidikan Islam lain yang terdapat di Jajahan Tanah Merah.

Pemilihan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada banyak faktor. Antaranya ialah kedudukan kedua-dua institusi tersebut yang terletak berhampiran dengan bandar Tanah Merah. Di samping itu, perkembangan yang telah diperolehi sehingga ia menjadi tumpuan para ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka belajar di sini. Ia juga berdasarkan tempoh masa wujudnya institusi tersebut iaitu institusi yang pertama ditubuhkan di Jajahan Tanah Merah dan satu-satunya Institusi Pendidikan Islam milik penuh kerajaan negeri yang terdapat di sini.

2.1 SEKOLAH MENENGAH UGAMA (ARAB) AL-IHSAN.

SMU(A) al-Ihsan merupakan SMU(A) Bantuan Kerajaan yang tertua di Tanah Merah. Jaraknya dengan bandar Tanah Merah lebih kurang 1.5 km. Sekolah ini ditubuhkan pada awal tahun 1945 dengan nama asalnya Sekolah Rakyat Tanah Merah (SRTM). Namun begitu, dari semasa ke semasa, namanya ditukar beberapa kali dan tapak sekolah juga telah berpindah dari satu tempat ke

satu tempat yang lain, maka pada tahun 1954 sekolah ini diberi nama SMU(A) al-Ihsan dan berada di atas tapak sekarang hingga ke hari ini⁵.

Sekolah ini telah diasaskan oleh Hj. Daud b. Hj. Abdul Jamil yang berasal dari Kota Bharu dengan dibantu oleh Hj. Ismail b. Hj. Yusof. Kedua-dua pengasas ini telah mendapat bantuan daripada Tuan Guru Hj. Nik Daud b. Nik Mat iaitu guru agama yang berasal dari Patani, Thailand⁶.

2.2. SEKOLAH MENENGAH UGAMA (ARAB) KERAJAAN KELANTAN TANAH MERAH

Pemilihan SMUAKKTM dibuat memandangkan ia merupakan satu-satunya sekolah menengah agama milik penuh kerajaan negeri yang terdapat di Tanah Merah. Jarak sekolah ini dengan pusat bandar adalah lebih kurang 5 km. Sekolah ini mula dibuka pada awal tahun 1983. Penubuhan sekolah ini adalah cetusan dari idea dan hasrat Menteri Besar Kelantan ketika itu, YAB. Dato' Hj. Mohamad Yaacob untuk membina sebuah sekolah menengah agama milik penuh kerajaan negeri di setiap jajahan di Kelantan⁷.

⁵ Sekolah Menengah Ugama (Arab) al-Ihsan (1999), "Sejarah Sekolah Menengah Ugama (Arab) al-Ihsan", (Majalah Al-Bayan), bil.01, h. 24.

⁶ *Ibid.*

⁷ Sek. Men. Ugama (Arab) Kerajaan Kelantan Tanah Merah (1996), "Sejarah Awal Sek. Men. Ugama (Arab) Kerajaan Kelantan Tanah Merah", (Majalah Al-Misbah), bil.08, h. 39.

3. METODE PENGUMPULAN DATA

Dalam usaha memperoleh data-data yang diperlukan bagi menyempurnakan kajian ini, penulis menggunakan metode pengumpulan data. Metode ini digunakan untuk mengumpul segala data dan maklumat yang berhubung dengan kajian.

3.1. METODE PERPUSTAKAAN

Metode perpustakaan ialah teknik di mana seseorang mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod. Keseluruhan data yang diperolehi adalah data yang disediakan oleh penyelidik sebelum ini atau agensi-agensi tertentu. Pada kebiasaannya ia adalah data yang diproses terlebih dahulu⁸.

Di dalam penyelidikan perpustakaan, penulis telah mengunjungi beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Nilam Puri, Perpustakaan Awam Islam JAKIM, Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya, perpustakaan di kedua-dua sekolah yang telah dipilih dan perpustakaan mini di Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah.

Penulis menggunakan metode perpustakaan ini pada bab pertama dalam bahagian Latar Belakang Masalah serta Pengertian Tajuk dan Perumusan Masalah. Dalam menghuraikan bab pertama ini, penulis memperoleh bahan-

⁸ Mohd. Sheffie Abu Bakar, *op. cit.*, h. 41.

bahan yang berkaitan daripada Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Bahan-bahan yang diperolehi seperti buku-buku dan tesis-tesis adalah berkaitan dengan Negeri Kelantan, Pendidikan Islam di Kelantan dan Pengertian Tajuk. Manakala di Perpustakaan Awam Islam JAKIM, penulis tidak memperolehi banyak bahan berkaitan Negeri Kelantan dan Pendidikan Islam di negeri tersebut. Walau bagaimanapun, penulis memperolehi bahan yang mencukupi dalam menghuraikan Pengertian Tajuk dan Perumusan Masalah.

Maklumat tentang Jajahan Tanah Merah pula penulis perolehi dari bahan seperti kertas kerja dan buku seminar yang diletakkan khusus di satu sudut menyerupai perpustakaan mini di Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah. Di sini juga terdapat serba ringkas maklumat tentang Negeri Kelantan. Bahan yang diperolehi di sini adalah Warisan Desa Tanah Merah Kelantan (Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah) dan Taklimat Pembangunan Sempena Lawatan Rasmi YAB. Tuan Guru Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat ke Jajahan Tanah Merah (Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah).

Metode Perpustakaan juga digunakan oleh penulis secara keseluruhannya dalam bab kedua menerangkan tentang Landasan Teori. Bahan-bahan yang berkaitan dengan bab ini secara umumnya diperolehi di Perpustakaan Utama, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Nilam Puri di samping Perpustakaan Za'ba sebagai rujukan sampingan. Bahan-bahan yang diperolehi oleh penulis adalah untuk menerangkan tentang pengertian pendidikan Islam, konsep serta matlamatnya. Di

samping itu, maklumat juga diperolehi untuk menerangkan pusat-pusat pendidikan yang telah wujud dalam sejarah Islam dan juga yang terdapat di Negeri Kelantan.

Selain itu, metode ini juga digunakan sedikit oleh penulis dalam bab keempat iaitu untuk mendapatkan maklumat tentang Sejarah Penubuhan Institusi Pendidikan Islam di Tanah Merah. Dalam mengumpulkan maklumat berkaitan dengan perkara tersebut, penulis telah mengunjungi perpustakaan di kedua-dua sekolah tersebut. Di Perpustakaan SMU(A) al-Ihsan, terdapat Majalah al-Bayan iaitu majalah terbitan sekolah. Di dalamnya tercatat maklumat tentang sejarah penubuhan sekolah dan perkembangannya. Manakala di Perpustakaan SMUAKKTM pula, penulis memperolehi Majalah al-Misbah, juga terbitan sekolah untuk mendapatkan maklumat tentang sejarah penubuhan dan perkembangan sekolah tersebut.

Selain itu, penulis juga merujuk bahan-bahan seperti buku, jurnal dan majalah yang terdapat dalam koleksi perpustakaan mini penulis seperti Pendidikan Islam Menurut Al-Nadwi: Satu Analisis (Muhammad 'Uthman el-Muhammady dalam Jurnal Usuluddin), Cabaran 'Umat' Islam Di Alam Baru (Ann Wan Seng dalam Suara PERKIM), Pendidikan Islam Di Malaysia: Sejarah dan Pemikiran (Abdul Halim b. Hj. Mat Diah) Islam dan Demokrasi Pendidikan (Abdul Halim b. Hj. Mat Diah) dan beberapa rujukan lagi.

Maklumat serta data yang diperolehi dari perpustakaan-perpustakaan ini adalah dalam bentuk teori dan fakta sahaja. Lantaran itu, bagi melengkapkan penyelidikan ini, penulis juga menggunakan banyak lagi metode-metode lain.

3.2. METODE WAWANCARA

Metode wawancara merupakan kaedah mengumpul data dan keterangan melalui lisan dari responden-responden sama ada tokoh atau orang perseorangan dengan bercakap-cakap secara bersemuka dengan orang tersebut. Dalam hal ini, suatu percakapan meminta keterangan tetapi bukan untuk tujuan penyelidikan, bahkan hanya bertujuan untuk berkenalan, beramah-mesra atau berbual kosong tidak dipanggil wawancara⁹.

Metode ini menjadi landasan utama bagi mengumpul data untuk dimuatkan dalam bab keempat dan sedikit dalam bab pertama kajian ini. Penulis telah mewawancara responden-responden yang berkaitan untuk mendapatkan data yang diperlukan. Penulis menggunakan metode wawancara ini untuk mendapatkan maklumat tentang pendidikan Islam di Kelantan dan Jajahan Tanah Merah, perkembangannya, sambutan masyarakat dan prosedur pengambilan pelajar.

Di antara responden utama yang diwawancara ialah En. Junaidi b. Hj. Abdullah (Penolong Pengarah Pentadbiran YIK) dan En. Abdul Rahman b. Yaacob (Pembantu Tadbir Kanan YIK) untuk mendapatkan maklumat tentang

⁹ Koentjaraningrat (1985), "Metode Wawancara", dalam Koentjaraningrat (ed.), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, c. 7. Jakarta: Percetakan PT Gramedia, h. 129.

pendidikan Islam di Kelantan. Seterusnya penulis juga mewawancarai En. Kamaruddin b. Che Kob (Pembantu Tadbir Kanan Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah) untuk melengkapkan lagi maklumat tentang Jajahan Tanah Merah di samping maklumat yang diperolehi dari kertas kerja dan buku seminar.

Selain itu untuk mendapatkan maklumat mengenai kedua-dua sekolah yang telah dipilih, penulis telah mewawancarai pihak berkenaan sebagai menyempurnakan maklumat yang diperolehi oleh penulis dalam majalah sekolah. Penulis telah mewawancarai Hj. Othman b. Hj. Salleh (Bekas Pengetua Sekolah)¹⁰ dan En. Jailani b. Abdullah (Pengetua SMU(A) al-Ihsan) untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang SMU(A) al-Ihsan dari segi sejarah penubuhan, perkembangan dan prosedur pengambilan pelajar. Penulis juga telah mewawancarai En. Mohd Razif b. Hj. Othman (Pengetua SMUAKKTM)¹¹ dalam mengumpulkan maklumat tentang sejarah penubuhan SMUAKKTM dan prosedur pengambilan pelajar di sekolah tersebut. Wawancara bersama beliau diadakan secara lisan dan juga melalui telefon. Wawancara melalui telefon dilakukan untuk mendapatkan penjelasan tentang pertukaran nama sekolah SMUAKKTM kepada SMU(A) al-Maahad al-Ahmadi.

Metode wawancara ini juga digunakan oleh penulis untuk mendapatkan maklumat tentang tarikh penubuhan 10 buah SMU(A) Bantuan Kerajaan bagi menentukan subjek kajian. Pada bahagian ini wawancara melalui telefon lebih banyak digunakan, manakala wawancara secara lisan hanya digunakan di sekolah-

¹⁰ Selain bekas pengetua beliau juga adalah orang yang bertanggungjawab dalam penubuhan sekolah pada peringkat awal. Sekarang beliau telah dilantik sebagai Penasihat bagi sekolah tersebut.

¹¹ En. Mohd. Razif merupakan anak kepada Hj. Othman b. Hj. Salleh.

sekolah yang tidak mempunyai perkhidmatan telefon. Responden utama dalam wawancara ini adalah pengetua sekolah. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa buah sekolah di mana respondennya adalah guru biasa. Mereka adalah wakil bagi pihak pengetua ekoran dari kesulitan penulis untuk mewawancara pengetua sekolah kerana tidak hadir disebabkan keuzuran atau menghadiri mesyuarat di YIK.

Dalam wawancara yang dilakukan, penulis menggunakan kedua-dua teknik wawancara iaitu wawancara berencana dan wawancara tak berencana. Wawancara berencana digunakan semasa mewawancara pengetua di kedua-dua sekolah. Wawancara ini dilakukan dengan berpandukan rangkaian soalan-soalan yang telah ditetapkan oleh penulis kepada responden tersebut. Soalan-soalan tersebut diletakkan sebagai lampiran¹². Walau bagaimanapun, bentuk jawapan daripada responden-responden tersebut adalah terbuka dan bebas.

Manakala wawancara tak berencana pula digunakan kepada responden di Pejabat YIK, Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah, Hj. Othman b. Hj. Salleh dan pengetua sekolah serta wakilnya di SMU(A) Bantuan Kerajaan di Tanah Merah.

Kesemua data yang diperolehi dari responden ini telah dimuatkan dalam bab keempat kerana dalam bab ini diterangkan tentang sejarah penubuhan Institusi Pendidikan Islam di Tanah Merah, perkembangannya, sambutan masyarakat dan prosedur pengambilan pelajar. Namun begitu ada sedikit maklumat serta fakta

¹² Rujuk Lampiran M.

yang dimuatkan dalam bab pertama melalui wawancara dengan En. Abdul Rahman b. Yaacob dan En. Kamaruddin b. Che Kob berkenaan dengan pendidikan Islam di Kelantan dan Jajahan Tanah Merah.

3.3. METODE DOKUMENTASI

Metode ini bermaksud pengumpulan data secara mengkaji dokumen-dokumen yang berhubung dengan kajian. Dokumen bermaksud benda bertulis yang dapat memberikan pelbagai keterangan seperti gambar, potret, monumen, artifak, *tape*, hukum-hakam atau undang-undang, autobiografi, surat-surat peribadi, buku laporan, dokumen kerajaan, cerita rakyat, akhbar dan banyak lagi¹³.

Penulis menggunakan metode dokumentasi bagi memudahkan pengkajian yang dijalankan. Di antara dokumen yang diperolehi penulis ialah dari sumber pertama al-Qurān al-Karīm yang dimuatkan dalam Landasan Teori.

Penulis juga memperolehi dokumen-dokumen lain seperti majalah-majalah, kertas kerja, pamflet, majalah sekolah, buku harian rasmi serta laporan tahunan. Maklumat-maklumat yang didapati daripada dokumen-dokumen tersebut dimuatkan dalam bab pertama dan keempat.

¹³ Sartono Kartodirjo (1985), "Metode Penggunaan Bahan Dokumen", dalam Koentjaraningrat (ed.), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, c.7. Jakarta: Percetakan PT Gramedia, h. 48-58.

Dalam bab pertama, ia dimuatkan dalam Latar Belakang Masalah iaitu tentang Jajahan Tanah Merah. Di antara dokumen yang digunakan dalam bab ini ialah Risalah Warisan Desa Tanah Merah Kelantan dan Buku Seminar Taklimat Pembangunan Sempena Lawatan YAB. Tuan Guru Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat ke Jajahan Tanah Merah.

Manakala dalam bab keempat pula, digunakan dalam Laporan Penyelidikan dan Analisis Data ketika membincangkan tentang Sejarah Penubuhan Institusi Pendidikan Islam di Tanah Merah. Dokumen yang digunakan dalam bab ini ialah Majalah al-Bayan dan Majalah al-Misbah iaitu majalah terbitan pihak sekolah untuk menjelaskan tentang SMU(A) al-Ihsan dan SMUAKKTM.

Pada bahagian lampiran, dipaparkan dokumen-dokumen berkaitan sebagai rujukan seperti gambar, carta, jadual dan lain-lain.

3.4. METODE HISTORIS

Metode historis merupakan suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian¹⁴.

Dalam usaha mendapatkan data sejarah tentang penubuhan sekolah, penulis telah mengunjungi kedua-dua sekolah yang dipilih. Melalui kerjasama dari pihak sekolah, penulis telah mendapat maklumat yang lengkap mengenai

¹⁴ Imam Barnadib, *op. cit.*, h. 52.

sejarah penubuhan dan perkembangan sekolah-sekolah tersebut. Data-data historis ini diperolehi melalui metode dokumentasi. Namun begitu, terdapat juga data-data atau maklumat-maklumat yang diperolehi melalui metode wawancara. Ini disebabkan kerana terdapat maklumat-maklumat yang tidak dicetak atau maklumat yang ada kurang terperinci. Contohnya tentang pengasas pertama SMU(A) al-Ihsan, binaan awal serta tapak sekolah tersebut dan prosedur pengambilan pelajar di kedua-dua institusi yang dipilih.

Metode historis ini dimuatkan pada bab keempat iaitu dalam Laporan Penyelidikan dan Analisis Data di samping bab pertama dalam Latar Belakang Masalah dan bab kedua dalam Landasan Teori.

3.5. METODE OBSERVASI

Metode observasi turut digunakan oleh penulis dalam melengkapkan kajian ini. Metode observasi melibatkan pancaindera manusia iaitu mata untuk memandang, melihat dan mengamati lingkungannya sehingga memperolehi pengetahuan mengenai lingkungan kajian tersebut¹⁵.

Metode observasi ini digunakan sepenuhnya oleh penulis pada bab keempat dalam melengkapkan huraian tentang perkembangan pendidikan Islam di Tanah Merah. Dalam observasi yang dijalankan ini, penulis meneliti dan mengamati perkembangan kedua-dua sekolah yang dipilih dari sudut pertambahan

¹⁵ Harsja W. Bachtiar (1985), "Pengamatan Sebagai Suatu Metode Penelitian", dalam Koentjaraningrat (ed.), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, c.7. Jakarta: Percetakan PT Gramedia, h. 108-109.

bangunan sekolah, kawasan sekolah dan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang ada di sekolah tersebut.

Metode observasi yang dijalankan oleh penulis ini adalah observasi terlibat di mana penulis sendiri yang hadir melakukan pengamatan tersebut. Segala hasil yang diperolehi melalui pengamatan atau observasi dicatatkan secara ringkas kerana ditakuti maklumat yang diperolehi hilang dari ingatan penulis. Kemudian barulah maklumat-maklumat tersebut dikemaskinikan.

Di samping itu, selain mencatat segala maklumat yang diperolehi, penulis turut membawa alat bantu iaitu kamera untuk mengambil gambar yang diperlukan sebagai bukti dari hasil pengamatan yang dilakukan. Gambar yang diambil diletakkan sebagai lampiran.

3.6. METODE SOAL SELIDIK

Metode soal-selidik digunakan apabila responden yang menjadi sasaran adalah dalam kumpulan atau kelompok yang ramai. Metode soal-selidik merupakan suatu senarai yang terdapat rangkaian pertanyaan mengenai sesuatu hal atau dalam sesuatu bidang. Oleh yang demikian soal-selidik bermaksud suatu daftar atau senarai pertanyaan untuk memperolehi data yang merupakan jawapan-jawapan dari para responden¹⁶.

¹⁶ Selo Soemardjan (1985), "Penyusunan dan Penggunaan Kuesioner", dalam Koentjaraningrat (ed.), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, c. 7. Jakarta: Percetakan PT Gramedia, h. 173.

Metode soal-selidik ini digunakan oleh penulis sepenuhnya pada bab keempat dalam mendapatkan data tentang Sambutan Masyarakat Terhadap Institusi Pendidikan Islam. Borang soal-selidik yang diedarkan kepada responden mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A untuk diisi oleh pelajar, manakala bahagian B pula untuk diisi oleh ibu bapa atau penjaga pelajar.

Responden yang dipilih oleh penulis dalam metode soal-selidik ini adalah di kalangan pelajar-pelajar yang menduduki tingkatan tertinggi kepada tingkatan yang lebih rendah iaitu responden utama adalah pelajar-pelajar Tingkatan Enam Atas (6A), diikuti Tingkatan Enam Rendah (6R) dan kemudiannya Tingkatan Lima. Penetapan ini dibuat berdasarkan kepada jumlah borang soal-selidik yang dihantar ke sekolah tersebut yang berjumlah 300 set borang sahaja iaitu 200 set borang di SMUAKKTM dan 100 set borang di SMU(A) al-Ihsan. Penetapan tersebut dibuat kerana penulis mahu pelajar-pelajar di tingkatan yang paling tinggi sebagai responden dalam soal-selidik tersebut.

Responden yang menjadi sasaran kajian juga adalah di kalangan ibu bapa atau penjaga. Pemilihan ibu bapa atau penjaga sebagai responden dibuat berdasarkan anak-anak mereka yang menuntut di sekolah berkenaan. Contohnya, jika pelajar berada dalam Tingkatan 6A iaitu responden dalam kajian ini, maka secara automatik ibu bapa atau penjaganya juga adalah responden.

Soal-selidik yang disediakan oleh penulis merangkumi dua bentuk iaitu soal-selidik secara terbuka dan secara tertutup. Penulis menggunakan kedua-dua bentuk ini memandangkan terdapat soalan-soalan yang diajukan memerlukan

jawapan atau huraian pendapat responden secara panjang lebar dan terdapat juga soalan-soalan yang memadai dengan jawapan yang ringkas sahaja seperti 'Ya' dan 'Tidak' atau 'Setuju' dan 'Tidak Setuju'.

4. METODE PENULISAN DAN ANALISIS DATA

Setelah semua data dan fakta diperolehi dan dikumpulkan, maka sumber sumber data tersebut akan melalui beberapa peringkat utama iaitu:

- i. *Heuristik* iaitu mengumpul data yang berkaitan dengan kajian, ia dipilih secara relevan.
- ii. *Kritikan*. Data-data yang dikumpul itu kemudiannya dikritik sama ada kritikan internal iaitu kritikan terhadap isi, tahun dan sebagainya dalam teks atau kritikan eksternal iaitu dengan membuat penilaian luaran terhadap kertas.
- iii. *Interpretation*. Data yang dikritik itu kemudiannya diinterpretasikan iaitu menganalisis terhadap fakta yang ditemui melalui beberapa pendekatan yang digunakan.
- iv. *Auffassung*. Melakukan hipotesis terhadap maklumat yang diperolehi.
- v. *Darstellung*. Akhirnya barulah ia melalui proses historiografi iaitu proses penulisan sama ada dalam bentuk multi disliner, komparatif dan sebagainya¹⁷.

¹⁷ Imam Barnadib, *loc. cit.* Lihat Juga Nur Azuki b. Yusuff (2000), "Sejarah Pendidikan Islam Di Jajahan Bachok: Suatu Kajian Tentang Institusi Pendidikan Islam Dari Tahun 1957-1990", (Disertasi MA, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 52.

Dalam menganalisis data, metode yang digunakan boleh dibahagikan kepada tiga iaitu;

4.1. METODE INDUKTIF

Metode induktif adalah cara menganalisis data melalui pola berfikir bagi mencari bukti dan keterangan dari perkara-perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang umum¹⁸. Dengan kata lain iaitu menganalisis sesuatu yang bersifat khusus untuk kesimpulan yang bersifat umum.

Penulis menggunakan metode induktif ini dalam bab pertama iaitu pada bahagian Pengertian Tajuk. Dari pelbagai pengertian yang diperolehi dan dikumpulkan, maka ia dihuraikan dan disimpulkan.

Dalam bab kedua pula, penulis menggunakan metode induktif ini dalam menghuraikan serta menjelaskan tentang pengertian pendidikan Islam menurut para sarjana dan cendekiawan dan kemudian dibuat kesimpulan terhadap pengertian yang diberikan. Begitu juga dalam menghuraikan tentang konsep dan matlamat pendidikan Islam.

¹⁸ Imam Barnadib, *loc. cit.*

4.2. METODE DEDUKTIF

Metode deduktif bermaksud membuat kesimpulan dan analisis berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian dari dalil-dalil yang bersifat umum untuk dijadikan dasar mencari kesimpulan yang bersifat khusus¹⁹.

Metode deduktif ini digunakan oleh penulis dalam bab pertama pada Latar Belakang Masalah. Pada bahagian ini penulis menghuraikan tentang Negeri Kelantan kemudian dikhususkan kepada Jajahan Tanah Merah.

Penulis juga menggunakan metode ini pada bab kedua dalam menghuraikan tentang Pusat Pendidikan Islam. Penulis menghuraikan pusat pendidikan yang wujud dalam sejarah Islam kemudian dihuraikan pula pusat pendidikan Islam yang wujud di Kelantan sahaja.

Sementara itu, dalam bab keempat pula penulis menggunakan metode deduktif ini dalam membincangkan tentang sambutan masyarakat terhadap Institusi Pendidikan Islam. Dalam hal ini, penulis menganalisa semua jawapan-jawapan dan pendapat-pendapat yang diberikan oleh responden secara keseluruhannya. Daripada jawapan-jawapan yang diperolehi itu barulah dibuat rumusan dan kesimpulan mengenai hasil yang diperolehi.

¹⁹ *Ibid.*

4.3. METODE KOMPARATIF

Di samping menggunakan metode induktif dan deduktif, penulis juga menggunakan metode komparatif dalam menganalisa segala data yang diperolehi. Metode komparatif ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap semua data dan fakta yang diperolehi²⁰.

Metode komparatif ini digunakan oleh penulis pada bab pertama, kedua dan keempat. Pada bab pertama, ia digunakan dalam menjelaskan kumpulan-kumpulan etnik yang terdapat di Kelantan seperti Melayu, China, India dan lain-lain. Di samping itu, ia juga digunakan untuk menjelaskan pecahan keluasan daerah penggawa dan bilangan mukim yang terdapat di Jajahan Tanah Merah.

Penulis juga menggunakan metode komparatif pada bab kedua dalam membuat perbandingan terhadap pusat pendidikan Islam sebelum penubuhan sekolah dan selepas penubuhan sekolah yang telah wujud dalam sejarah Islam.

Manakala pada bab keempat pula ia digunakan dalam membandingkan prosedur pengambilan pelajar di kedua-dua institusi yang dipilih, perkembangan institusi tersebut serta sambutan masyarakat terhadapnya.

²⁰ Chalidin b. Hj. Yacob (1993), "Pelajar Islam Indonesia: Sejarah dan Sumbangannya Bagi Pendidikan Masyarakat Di Indonesia", (Disertasi MA, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), h. 98.

Penulis juga membuat perbandingan terhadap kedua-dua sekolah yang dikaji dari sudut sejarah penubuhan, kedudukan, kemudahan asas dan pencapaian yang telah dicapai oleh sekolah-sekolah tersebut.

Seterusnya, dari sudut rupa bentuk data yang diperolehi, maka penyelidikan ini telah dibahagikan kepada dua bentuk iaitu penyelidikan kualitatif dan penyelidikan kuantitatif.

Penyelidikan kualitatif adalah penggunaan fakta, maklumat, pernyataan, ulasan, tanggapan, maksud, konsep, ciri-ciri, simbol, persepsi, metafor, perasaan dan seumpamanya. Melalui kaedah kualitatif ini, penyelidik dapat mengkaji secara mendalam fenomena yang berlaku dalam pengkajian tersebut pada keadaan realitinya²¹.

Sumber data yang diperolehi dalam penyelidikan kualitatif ini adalah dalam bentuk buku, majalah, disertasi, jurnal, kertas kerja, buku seminar, buku harian rasmi, pamflet, wawancara dan observasi. Semua data yang diperolehi ini dimuatkan secara keseluruhannya pada bab pertama, kedua dan keempat disertasi ini.

Penyelidikan kuantitatif pula adalah data yang diperolehi dalam bentuk angka atau bilangan dan dikumpulkan dengan menggunakan kaedah-kaedah yang tertentu. Penganalisaan data kuantitatif selalunya dilakukan dengan menggunakan

²¹ Prof. Madya Dr. Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, c.1. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 6-7.

kaedah statistik. Data-data yang diperolehi dikemukakan dalam bentuk carta dan jadual²².

Sumber data yang diperolehi dalam penyelidikan kuantitatif ini adalah daripada borang soal-selidik yang telah diedarkan kepada responden-responden yang dipilih. Ia dimuatkan sepenuhnya pada bab keempat dalam menentukan jumlah responden yang telah menjawab soalan-soalan yang diajukan. Data-data tersebut dikemukakan dalam bentuk jadual dan carta pai.

²² *Ibid*, h. 6.